

PERINGATAN PENTING

Pelajar yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat berkaitan dengan:

- Kewarganegaraan Malaysia, bangsa Melayu, Bumiputera Sabah/Sarawak.
- Keputusan peperiksaan dalam borang permohonan kemasukan.

Akan diambil tindakan tegas dengan:

- Menarik balik surat tawaran tersebut.
- Dikenakan tindakan undang-undang.

Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran pelajar baru.

SEKIRANYA ANDA MELAKUKANNYA, BAGI MENJAGA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA TIDAK HADIR MENDAFTAR.

“AMARAN”

JIKA ANDA SEORANG PENAGIH, PENGEDAR ATAU TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH, ANDA TIDAK LAYAK UNTUK MENDAFTAR ATAU MENJADI PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**BUKU PANDUAN
PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI AKADEMIK 2009/2010**

**MAKLUMAT DI DALAM BUKU INI ADALAH BENAR
PADA MASA BUKU INI DICETAK**



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**DITERBITKAN OLEH:
JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

www.uum.edu.my/hea

ALUAN NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Selain universiti melatih para pelajarnya mahir sesuatu bidang, setiap pelajar selama tiga atau empat tahun akan dilatih untuk berfikir secara saintifik dalam mencari kebenaran. Cara pemikiran demikian berdasarkan kepada data dan pemprosesan saintifik untuk diamalkan sepanjang kehidupan. Inilah yang membezakan pelajar yang melalui pendidikan tinggi di universiti, berbanding dengan mereka yang tidak. Kepercayaan kepada bomoh, khabar angin dan tahyul tidak sepatutnya menjadi ruang perbincangan dalam universiti, kerana ia merupakan institusi ilmu.

UUM merupakan sebuah universiti. Sebagai sebuah universiti, UUM akan melatih pelajar untuk mencari kebenaran berdasarkan kaedah saintifik. Universiti ini juga telah diamanahkan negara untuk menghasilkan graduan dalam bidang pengurusan. Namun, seorang usahawan bukan semestinya seorang peniaga. Seorang pensyarah juga merupakan seorang usahawan. Seorang hakim juga boleh dikatakan seorang usahawan. Begitulah juga dengan kerjaya lain. Seorang usahawan ialah seseorang yang melakukan sesuatu dengan tekun, berterusan, setia dan sentiasa melihat peluang untuk menghasilkan sesuatu. Maka, marilah bersama-sama dengan UUM untuk berjwi usahawan.

Menariknya di UUM CAS (UUM College of Arts & Sciences) menempatkan sejumlah 550 pensyarah, UUM COB (UUM College of Busines), kita mempunyai lebih 500 pakar dalam pelbagai bidang berkaitan perniagaan. Di UUM COLGIS (UUM College of Law, Government & International Studies) mempunyai lebih 120 tenaga pakar dalam pelbagai bidang berkaitan yang merentasi keilmuan pelbagai sub-bidang. Sesungguhnya tidak ada IPT di Malaysia yang memiliki gabungan kepakaran seramai ini. Tidak banyak IPTA, apatah lagi IPTS, yang mempunyai kemudahan seperti go-kart, equestrian, golf dan kemudahan sukan yang canggih. Saudara-saudari juga boleh melangkah ke luar negara, iaitu Thailand, hanya setengah jam dengan kenderaan, berbanding dengan IPTA di Lembah Klang.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan “Selamat Datang” ke Universiti Utara Malaysia dan yakinlah bahawa pilihan saudara-saudari ke universiti ini amatlah tepat.

“ILMU BUDI BAKTI”

TAN SRI DR. NORDIN KARDI
Naib Canselor

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Misi Korporat UUM	8-11
1.1 Objektif Universiti	
1.2 Visi	
1.3 Misi	
1.4 Falsafah Universiti	
1.5 Piagam Pelanggan	
1.6 Dasar Q	
1.7 Slogan Q	
1.8 Status MSC	
1.9 Status MS ISO 9001:2000	
1.10 Perancangan Strategik UUM	
2.0 Menyingkap Wajah Universiti Utara Malaysia	12-13
2.1 Sejarah Penubuhan	
2.2 Penstrukturan Semula	
2.3 Kampus Universiti	
3.0 Kemudahan-kemudahan Umum	14-16
3.1 Dewan dan Bilik Kuliah	
3.2 Makmal Komputer dan Perkhidmatan Rangkaian Tanpa Wayar (<i>Wireless Hotspot</i>)	
3.3 Kad Pintar	
3.4 Perpustakaan Sultanah Bahiyah	
3.5 Dewan Penginapan Pelajar (DPP)	
3.6 Masjid	
3.7 The Varsity Mall	
3.8 Pusat Kesihatan Universiti	
3.9 Sukan dan Rekreasi	
3.10 Bas Kitaran Kampus	
3.11 Permohonan Membawa Kendaraan Sendiri	
4.0 Pencapaian Kejayaan Universiti Utara Malaysia (1984-2009)	17-22
5.0 Panduan Pendaftaran	25-27
5.1 Set Tawaran Kemasukan Ke UUM	
5.2 Tindakan Yang Perlu Diambil Oleh Calon Setelah Menerima Surat Tawaran	
6.0 Syarat-syarat Tawaran Kemasukan Ke UUM	26-27
7.0 Persediaan Sebelum Hari Pendaftaran	31
8.0 Tindakan Semasa Tiba Di UUM	35-36
9.0 Semasa Hari Pendaftaran	37-38

10.0	Sahsiah Rupa Diri Semasa Mendaftar	39-40
10.1	Sahsiah Rupa Diri Siswa	
10.2	Sahsiah Rupa Diri Siswi	
10.3	Kod Etika Pakaian Rasmi Universiti	
11.0	Tindakan Semasa Di Kaunter Pendaftaran	41
12.0	Yuran Pelajar	42-44
12.1	Kadar Yuran Pelajar Sarjana Muda	
12.2	Maklumat Tambahan	
12.3	Kaedah Pembayaran	
12.4	Peraturan Bayaran Balik Yuran Pelajar	
13.0	Program Suai Kenal	47
13.1	Taklimat Waris	
13.2	Kod Etika Pakaian Sepanjang Program Suai Kenal	
14.0	Maklumat Umum	51-59
14.1	Maklumat Akademik	
14.2	Pendaftaran Kemasukan Dewan Penginapan Pelajar	
14.3	Unit Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar	
14.4	Pembiayaan Pendidikan PTPTN	
15.0	Pertanyaan Dan Maklumat Lanjut	63-65
15.1	Tawaran Kemasukan	
15.2	Program Minggu Suai Kenal	
15.3	Kebajikan Pelajar	
15.4	Bayaran Yuran Pelajar	
15.5	Kolej Pengajian Pelajar	
15.6	Penginapan Di Dewan Penginapan Pelajar (DPP)	
16.0	Borang-borang Yang Perlu Diisi	69-87
-	Senarai Semakan Semasa Pendaftaran	
-	Borang Maklumat Pelajar	
-	Borang Pengesahan Pendapatan	
-	Perakuan Kebenaran Bius (Anestesia) dan Pembedahan	
-	Borang Penamaan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Pelajar Universiti Utara Malaysia	
-	Borang Pendaftaran Sukan Sesi 2009/2010	
-	Borang Pendaftaran Aktiviti Pusat Budaya dan Seni	
-	Borang Pusat Islam	
-	Borang Belian Prabayar Bas Kitaran	
17.0	Lagu Biru Warna	89
18.0	Peta Kampus	90

1.0 MISI KORPORAT UUM

1.1 OBJEKTIF UNIVERSITI

Universiti Utara Malaysia ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaantani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

Universiti Utara Malaysia juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosioekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan ini. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta. Ke arah matlamat tersebutlah universiti ini sedang bergerak.

Objektif ini dapat dirumuskan kepada tiga perkara seperti berikut:

- Untuk membangunkan bidang pengurusan sebagai pusat kecemerlangan.
- Untuk menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.
- Untuk menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.

1.2 VISI

Menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti Pengurusan yang terbilang.

1.3 MISI

Menyempurnakan Piagam dan Falsafah Universiti sebagai pusat kecemerlangan akademik yang menghasilkan sumber tenaga manusia yang mampu dan beriltizam membangunkan negara dan kemanusiaan.

1.4 FALSAFAH UNIVERSITI

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kelayakan kedua-dua sumber penting, iaitu, sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah

perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gembengan sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Adalah juga azam universiti untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudimanan dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya: **ILMU, BUDI, BAKTI.**

1.5 PIAGAM PELANGGAN

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai universiti pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti "ILMU, BUDI, BAKTI", dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

Kepada Pelajar

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawai-piawai yang ditetapkan.

Kepada Staf

Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.

Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan.

Kepada Negara

Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.

Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.

1.6 DASAR Q

Kami warga Universiti Utara Malaysia bertekad dan beriltizam untuk membudayakan kualiti dengan memberikan perkhidmatan yang menepati kehendak pelanggan dan “stakeholders”. Kami secara berterusan sentiasa menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan kualiti yang unggul berlandaskan piawaian yang ditetapkan ke arah melahirkan sumber tenaga manusia yang menjadikan “Ilmu, Budi, Bakti” sebagai nilai hidup.

1.7 SLOGAN Q

Membudayakan kualiti ke arah melahirkan tenaga sumber manusia yang menjadikan “Ilmu, Budi dan Bakti” sebagai nilai hidup.

1.8 STATUS MSC

Universiti Utara Malaysia telah berjaya memperoleh Status MSC pada 22 April 1999. Program pengajian yang memperoleh status tersebut ialah:

- Ijazah Sarjana Muda Multimedia dengan Kepujian.
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian.
- Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan dengan Kepujian.
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian.
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian.
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan Pendidikan (Teknologi Maklumat) dengan Kepujian.

1.9 STATUS MS ISO 9001:2000

Universiti Utara Malaysia telah berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 9002:1994 daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada 13 Disember 2001. Pensijilan yang diperoleh ini merangkumi skop berikut iaitu *Provision of Tertiary Education, Research, Consultancy and Publication*.

Pada tahun 2003, UUM melaksanakan proses peralihan sistem dari MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000. Sejumlah 283 prosedur kualiti telah berjaya dibangunkan dalam proses peralihan ini.

Pengauditan ke atas sistem pengurusan kualiti ini telah dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International pada 3 dan 4 September 2003. Hasilnya, UUM telah berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2000 dengan skop pendaftaran, “Peruntukan khidmat pendidikan (Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan), peruntukan penyelidikan, perundingan, penerbitan dan perkhidmatan perpustakaan.”

1.10 PERANCANGAN STRATEGIK UUM

Objektif

Universiti Utara Malaysia Sebagai Pilihan Utama (*First Choice University*)

Strategi Utama

1. Menyediakan suasana dan budaya kecemerlangan ilmiah bagi penyuburan dan perkembangan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan perkhidmatan.
2. Membangunkan kekuatan akademik, sahsiah, keusahawanan dan kepemimpinan pelajar dengan menyediakan kurikulum dan kokurikulum yang inovatif dan relevan.
3. Pengantarabangsaan aktiviti universiti.
4. Penjanaan kekayaan.

2.0 MENYINGKAP WAJAH 25 TAHUN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2.1 SEJARAH PENUBUHAN

Universiti Utara Malaysia (UUM) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan) 1984, bertarikh 16 Februari 1984.

Ia bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan Universiti ini dalam bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Kementerian Pendidikan kemudian menubuhkan sebuah Badan Petugas untuk menguruskan projek tersebut yang diketuai oleh Abdul Hamid Ayob, Pengarah Pendidikan Kedah ketika itu, sebagai Penyelaras Projek. Selain daripada pelantikan beliau, empat orang Pegawai Kementerian Pendidikan lain turut diberi tanggungjawab bagi membantu Abdul Hamid merealisasikan projek berkenaan. Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada 15 Februari 1984 di Jitra.

Empat bulan kemudian, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darulaman, pada bulan Jun 1984 apabila fasa pertama projek berkenaan siap pada tarikh tersebut. Hal ini bagi menyambut ketibaan para pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darulaman, iaitu 18 km ke Utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu, perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula yang dijangka akan dibina di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara – Sintok.

Kampus baru UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus tersebut jaraknya 48 km di utara Alor Setar dan 10 km di timur Changlun, sebuah pekan di Lebuh Raya Utara-Selatan. Kampus ini merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit-bukau. Selain itu juga, terdapat dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengahnya iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak.

2.2 PENSTRUKTURAN SEMULA

Mulai Januari 2008, Universiti Utara Malaysia (UUM) membuat perubahan besar-besaran dari segi penstrukturan. Sebanyak 13 fakulti digabungkan menjadi tiga yang dinamakan sistem kolej, yang antara lain bertujuan menyediakan struktur yang kukuh bagi meningkatkan bilangan pascasiswazah dan melonjakkan nama UUM di pentas dunia. Universiti mestilah bersifat sejagat kerana ilmunya merentas sempadan Malaysia.

Struktur baru UUM yang mula beroperasi pada Januari tahun ini mewujudkan UUM CAS (UUM College of Arts and Sciences), UUM COB (UUM College of Business) dan UUM COLGIS (UUM College of Law, Government and International Studies). Langkah UUM ini selari dengan kenyataan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pengajian Tinggi, untuk meningkatkan bilangan

pascasiswazah sehingga 100,000 menjelang 2010. Ianya terangkum dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2010. Melalui susunan baru itu dengan jelas menunjukkan kekuatan UUM yang mempunyai 550 dalam bidang Sastera dan Sains, 500 pensyarah yang mengkhusus dalam bidang Perniagaan serta 120 orang dalam bidang Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa. Setiap kolej mempunyai autonomi masing-masing.

2.3 KAMPUS UNIVERSITI

Kampus Sintok yang berharga RM580 juta ini adalah sebuah daripada kampus paling cantik dan canggih di rantau ini. Ia telah dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Canselor pada 17 Februari 2004. Bangunan-bangunan utama yang terdapat di kampus ini ialah Bangunan Akademik, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Bangunan Pentadbiran Canselori, Masjid Sultan Badlishah, Dewan Mu'adzam Shah, Dewan Tan Sri Othman, Kompleks Sukan, Varsity Mall, Bangunan Budi Siswa dan Kompleks Konvensyen.

Kemudahan penginapan di dalam kampus kepada semua pelajarinya juga disediakan oleh UUM. Bagi memenuhi keperluan ini, sehingga kini UUM mempunyai 15 buah Dewan Penginapan Pelajar (DPP) yang boleh menampung kira-kira 20,000 orang pelajar. Dewan penginapan tersebut ialah MAS, TENAGA NASIONAL, TRADEWINDS, PETRONAS, EON, MISC, SIME DARBY, PERWAJA, TM, PROTON, MAYBANK, YAYASAN ALBUKHARY, BANK MUAMALAT, BANK RAKYAT dan SME BANK.

Di samping itu, universiti turut menyediakan 600 unit rumah pelbagai jenis bagi kediaman sebahagian daripada kakitangannya. UUM juga menjadikan kampusnya sebagai sebuah kampus terbuka. Orang ramai dan para pelancong boleh berkunjung dan menggunakan pelbagai kemudahan yang terdapat di dalamnya.

Bagi menyokong maksud ini, UUM turut menyediakan tempat-tempat penginapan di dalam kampus seperti Hotel Universiti Inn di samping dewan penginapan pelajar yang boleh disewa pada masa cuti semester. Selain itu juga, UUM turut menawarkan tempat penginapan yang baru iaitu EDC-UUM (Executive Development Center) yang terletak berhampiran pintu masuk utamanya. UUM telah memajukan sebahagian kawasan hutan simpannya seluas 107 hektar sebagai salah satu tarikan pelancongan di wilayah utara dengan mewujudkan beberapa kemudahan seperti padang golf 9-lubang, litar go-kart, kawasan perkhemahan, lapang sasaran memanah, taman rusa, tapak equestrian dan yang terbaharu lapang sasaran menembak 300 meter.

Penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkeelayakan dan terlatih dalam bidang pengurusan.

3.0 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UMUM

3.1 DEWAN DAN BILIK KULIAH

Terdapat lima gugusan dewan kuliah yang disediakan untuk kemudahan pelajar. Setiap gugusan mempunyai 10 dewan kuliah yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 50 buah. Setiap dewan kuliah dilengkapi dengan sistem penghawa dingin, peralatan audio, komputer, Projektor LCD, dan alat *visualizer* yang terkini.

3.2 MAKMAL KOMPUTER DAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN TANPA WAYAR (WIRELESS HOTSPOT)

Universiti Utara Malaysia menyediakan makmal komputer untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Lebih daripada 2,000 unit PC disediakan bagi kegunaan pelajar dan dirangkaikan ke ISLAN (*Integrated Sintok Local Area Network*). Terdapat juga kemudahan rangkaian tanpa wayar (*wireless hotspot*) kepada staf dan pelajar-pelajar yang boleh diakses di seluruh kampus. Kemudahan e-mel diberikan kepada pelajar sebaik sahaja mereka mendaftar sebagai pelajar di UUM.

3.3 KAD PINTAR

Setiap pelajar dibekalkan dengan kad pintar (*smart card*) sebagai kad pengenalan diri. Kad ini berfungsi sebagai kad perpustakaan, kad klinik, kad makmal, kad keselamatan, kad akses, kad kedatangan, kegunaan e-Tunai dan e-Debit.

3.4 PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH

Perpustakaan Sultanah Bahiyah menggunakan sistem komputer sepenuhnya yang dikenali sebagai LINTAS (*Library Information Technology Automated System*) dan mempunyai lebih daripada 302,582 koleksi buku dan 36,000 buku elektronik (*e-book*) melalui langganan pangkalan *data ebrary*. PSB mempunyai koleksi jurnal sebanyak 440 judul dan sebanyak 7,904 isu jurnal teks dijilid dan 2,353 telah diakses sepanjang tahun 2007. Judul terbitan bersiri kebanyakannya adalah dalam bidang pengurusan. Perpustakaan ini mendapat pengiktirafan MS ISO 9002 sejak tahun 1997 dan kini telah berjaya memperoleh MS ISO 9001:2000.

3.5 DEWAN PENGINAPAN PELAJAR (DPP)

Kampus ini memiliki 15 buah dewan penginapan pelajar yang dinamakan mengikut badan-badan korporat terkemuka di Malaysia iaitu MAS, TENAGA NASIONAL, TRADEWINDS, PETRONAS, EON, MISC, SIME DARBY, PERWAJA, TM, PROTON, MAYBANK, YAYASAN ALBUKHARY, BANK MUAMALAT, BANK RAKYAT dan SME BANK.

3.6 MASJID

Masjid Sultan Badlishah boleh menampung sehingga 5,000 orang jemaah dan diiktiraf sebagai masjid institusi pengajian tinggi maya pertama dengan kelengkapan rangkaian komunikasi siber dan kemudahan aplikasi Internet tanpa wayar. Terdapat sebuah lagi masjid di Dewan Penginapan Pelajar Bank Rakyat dan SME BANK.

3.7 THE VARSITY MALL

The Varsity Mall ialah Pekan Siswa yang mempunyai pasa raya mini, bank, restoran, kedai koperasi, pejabat pos, dan beberapa lot kedai pelbagai jenis perniagaan yang diuruskan oleh mahasiswa-mahasiswa UUM.

3.8 PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) menyediakan perkhidmatan kesihatan yang meliputi perubatan, pergigian, kaunseling, rawatan kecemasan, pembedahan dan farmasi. Kes-kes kritikal pula akan dirujuk ke Hospital Jitra atau Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. PKU menyediakan perkhidmatan talian hotline 24 jam sekiranya berlaku kecemasan iaitu 012-477 4311.

3.9 SUKAN DAN REKREASI

Kampus ini menawarkan pelbagai kemudahan aktiviti sukan dan rekreasi termasuklah sebuah kolam renang bertaraf Olimpik, stadium mini, lapang sasaran memanah, menembak, dewan badminton, gelanggang skuasy, padang bola sepak, ragbi, hoki, bola jaring, bola keranjang, sepak takraw, padang golf 9-lubang dan litar go-kart bertaraf antarabangsa. Kemudahan sukan juga disediakan di setiap penginapan pelajar. UUM juga menyediakan kemudahan rekreasi seperti kenu, trek jogging, trek basikal, trek hutan, tembok memanjat, menara abseiling, kawasan perkhemahan dan ekuestrian.

3.10 BAS KITARAN KAMPUS

- Pengangkutan bas kitaran UUM menggunakan aplikasi sistem “e-bas” yang menjadikan **kad matrik pelajar sebagai akses untuk menaiki bas**.
- Bas kitaran beroperasi sebagai pengangkutan utama para pelajar untuk berulang-alik dari dewan penginapan pelajar ke kuliah dan sebaliknya.
- Caj **RM 90.00** dikenakan untuk satu semester di mana **tiada had penggunaan bas kitaran untuk tempoh satu semester**.
- Pelajar tidak dibenarkan untuk menaiki bas sekiranya tidak membuat bayaran dan kad matrik pelajar tidak akan diaktifkan untuk penggunaan bas kitaran.
- Kaunter jualan prabayar dibuka sepanjang semester. Ianya terdapat di tiga tempat iaitu di Dewan Kuliah Gunaan 1 (DKG 1), ruangan kafeteria DPP Muamalat dan di tingkat 1 Mall Kachi.
- Para pelajar dinasihatkan menggunakan kad matrik secara berhati-hati dan tidak kasar kerana ia mudah rosak (sensitif). Sekiranya kad matrik rosak, terminal yang terdapat di dalam bas tidak dapat membaca menyebabkan pelajar tidak dibenarkan menaiki bas atas kegagalan tersebut.
- Pihak syarikat **tidak** akan menggantikan nilai bayaran yang dibuat sekiranya kad matrik pelajar **hilang**. Pelajar perlu membayar semula untuk mengaktifkan kad matrik yang baru untuk menaiki bas.
- Pihak syarikat menyediakan lebih daripada 30 buah bas berhawa dingin untuk perkhidmatan bas kitaran UUM (Laluan A,B,C dan D).
- Pelajar perlu **sentiasa merujuk jadual pergerakan bas kitaran** dan maklumat berkaitan bas kitaran yang dilekatkan pada papan kenyataan yang terdapat di semua hentian bas di setiap laluan dan juga di kaunter-kaunter prabayar.
- Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Armanwadi (012-491 7743) dan Puan Azura (012-507 7743).
- Khidmat aduan SMS juga disediakan di talian 012-409 7743.

CARA PEMBAYARAN:

- Bayaran dibuat secara tunai sebanyak **RM 90.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sahaja) ke dalam akaun **Bank Islam Malaysia Berhad** di atas nama **“UNIC SYMBOL BUSINESS SDN. BHD.”** no akaun **02093010002566**. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
- Bawa salinan **slip bank asal** dan dikepilkan bersama borang yang diisi lengkap (sila rujuk borang yang disertakan) pada hari pendaftaran. Slip bank **fotokopi tidak diterima**.
- **Serahkan hanya borang dan salinan slip bank di kaunter prabayar pada hari yang akan ditetapkan.**
- Pihak syarikat tidak akan mengaktifkan kad matrik pelajar untuk kegunaan bas kitaran sekiranya pelajar gagal untuk mengemukakan slip bank asal.

CARTA ALIRAN APLIKASI SISTEM PENGANGKUTAN PRABAYAR

- **PELAJAR MEMBUAT BAYARAN DI KAUNTER JUALAN.**
- **SENTUH KAD MATRIK PELAJAR DI DUA TERMINAL;**
 1. **TERMINAL E-DEBIT/TUNAI** (Bagi tujuan pembayaran).
 2. **TERMINAL CONTROLLER** (Sistem kawalan utama transaksi).
Resit akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.
- **DATA MENGENAI KADAR BAYARAN, BILANGAN POIN TERKUMPUL, NAMA PELAJAR DAN NO. MATRIK DAN DPP AKAN DIREKOD DI TERMINAL CONTROLLER BAGI TUJUAN REKOD TRANSAKSI.**
- **PELAJAR AKAN MENYENTUHKAN KAD MATRIK KE TERMINAL BACAAN UNTUK PENGESAHAN / AKSES.**
- **SIREN/BUZZER DAN LAMPU YANG BERBEZA AKAN MEMASTIKAN PELAJAR TERSEBUT ADALAH SAH ATAUPUN TIDAK UNTUK MENAIKI BAS. SEMASA TURUN BAS, IANYA ADALAH SEPERTI BIASA**

3.11 PERMOHONAN MEMBAWA KENDERAAN SENDIRI

Pelajar yang telah mendaftar sebagai seorang pelajar UUM, boleh memohon untuk membawa kenderaan bermotor sendiri tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Borang permohonan boleh didapati di Dewan Penginapan Pelajar kolej masing-masing. Bagi motosikal, had kuasa kuda maksimum yang dibenarkan mestilah tidak melebihi 135 cc.

4.0 PENCAPAIAN KEJAYAAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (1984 - 2009)

21 Februari 2009 – Lapan daripada Sepuluh Produk UUM Raih Pingat

Penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih lapan pingat daripada sepuluh produk penyelidikan yang dipertandingkan dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2009. Dalam MTE yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 19 hingga 21 Februari 2009, produk penyelidikan UUM berjaya meraih satu pingat emas, satu perak dan enam gangsa. Pingat emas diperolehi melalui produk penyelidikan bertajuk “ReCODS-M: Requirement Centric Operational Data Store Model for Business Intelligence (BI) System” yang dihasilkan oleh Muhamad Shahbani Abu Bakar dan Prof. Madya Dr. Norshuhada Shiratuddin. Pada kali ini UUM turut meraih tempat dalam anugerah “Best Booth” (Tapak Pameran Terbaik) keseluruhan. Program tahunan anjuran Persatuan Penyelidik & Saintis Malaysia (MARS) bertujuan untuk mengetengahkan hasil-hasil penyelidikan dan Pembangunan Penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik di Malaysia.

15 Disember 2008 – Produk Pembuat Keputusan Berelektronik Raih Pingat

Produk penyelidikan berelektronik yang dihasilkan oleh pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih pingat perak di Seoul International Invention Fair, Korea yang diadakan pada 8 hingga 15 Disember 2008. Produk aplikasi “Electronic Purchasing Decision Making Tool” yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Norshuhada Shiratuddin, Siti Mahfuzah Sarif dan Prof. Madya Dr. Shahizan Hassan itu merupakan alat elektronik yang digunakan sebagai kiosk dalam membantu individu membuat keputusan apabila terdapat banyak pilihan. “Electronic Purchasing Decision Making Tool” ini membantu dalam proses membuat keputusan membeli sebagai contoh telefon bimbit, komputer riba, kamera digital dan sebagainya.

9 Oktober 2008 – Penyelidik UUM Dapat Peruntukan FRGS Bernilai RM900,000

Sebanyak 18 kumpulan penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya mendapat geran penyelidikan termasuk untuk mengkaji Sistem Kewangan Islam di bawah projek penyelidikan di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), bernilai RM900,000. Geran Penyelidikan sumbangan Kementerian Pengajian Tinggi itu diberikan kepada 18 kertas cadangan terbaik yang dikemukakan oleh penyelidik UUM. Antara penyelidikan ialah “Islamic Quality System (SIQS) - Islamic Financial System”, “Designing State Fiscal Performance Index in Malaysia Using Representative System (RRS) / Representative Expenditure System (RES) Approach For Fiscal Year 1990, 1995, 2000, 2005 and 2007”, “A Multi Criteria Tender Evaluation Model Using Balanced Scorecard Method”, “Developing Triad Design Algorithms Based on Compatible Factorization”, “Robust Multivariate Control Charts Based on Modified One-Step M-Estimator”, “Developing an Instructional Model for The Non-Native Speaker Content-Based Instruction (CBI) Teacher”, “Intelligent Predictive Maintenance System for Hard-Disk Media Manufacturing Using Data Mining Approach”, “Developing New Algorithms for Finding Determinants”, “Automated Time Series Forecasting”, “Core Elements of Digital Storytelling”, “Membina Modul Pembangunan Insan: Menggunakan Kod Etika Guru dalam Menangani Disiplin Pelajar”, “Developing Teacher Oral Competency Framework (TOCF) for Secondary School Teachers: Moving Forward to Meaningful Teaching and Learning of English Language and Mathematics”, “Efficiency Measurement of Business Units Using Non-Parametric Method”, “Developing Project Based Learning (PBL) Model of Instruction for Engaging Rural Learners”, “Pengukuran Budaya

Komunikasi Masyarakat Melayu Malaysia: Penilaian Empiri Melalui Pembinaan Instrumen”, “Resolving Ambiguity and Uncertainty in Fact Extraction for Text Mining Application”, “Mobile Game-Based Learning (MGBL) Developing Methodology”, dan “Efficient and Highly Robust Location and Dispersion for High Dimension Data Sets and Its Application in Manufacturing Industry Process Quality Control”.

12 Mei 2008 – Sepuluh Produk Penyelidikan UUM Dapat Pengiktirafan di ITEX’08

Sepuluh produk penyelidikan UUM yang menyertai “19th International Invention Innovation & Technology Exhibition 2008 (ITEX)” di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). UUM memperoleh satu pingat emas, dua perak dan tujuh gangsa sekali gus mencatatkan sejarah apabila menjadi satu-satunya universiti yang memperoleh keseluruhan pingat dalam produk yang dihantar walaupun baru pertama kali menyertainya. Produk penyelidikan yang mendapat pingat emas ialah “AADMA: Avatar-Assisted Decision Making Advisor in Retail Environment” oleh Prof. Madya Dr. Norshuhada Shiratuddin dan Siti Mahfuzah Sarif. ITEX dianjurkan oleh Malaysian Invention & Design Society (MINDS). Lebih 556 produk dipertandingkan dalam pameran ini melibatkan penyertaan institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta, pusat-pusat penyelidikan dan pihak industri.

6 April 2008 – Tiga Produk UUM Raih Pingat di Geneva

Tiga produk penyelidikan UUM yang menyertai “36th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products” di Geneva pada 2 hingga 6 April 2008 berjaya meraih dua perak dan satu gangsa. Produk tersebut ialah “Gent-Based Md-Matrix” (*Mobile Development Methodology Matrix*) oleh Prof. Madya Dr. Norshuhada Shiratuddin dan Siti Mahfuzah Sarif dan “Online Practicum Student Placement” (OPSP) oleh Prof. Madya Dr. Shahizan Hassan, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik, Dr. Mohd Azlan Yahya meraih perak. Manakala produk “INCCase: Automated Program Advisor” oleh Prof. Madya Fadzilah Siraj, Noraini Yusoff, Prof. Madya Dr. Saedah Siraj dan Azizi Abd Aziz pula menerima pingat gangsa.

23 Februari 2008 – UUM Menang 13 Pingat di MTE 2008

UUM meraih 13 pingat menerusi produk penyelidikan yang dipertandingkan dalam Malaysia Technology Expo 2008 (MTE ‘08) di Kuala Lumpur baru-baru ini. Pingat-pingat yang dimenangi ialah dua emas, lima perak dan enam gangsa daripada 20 produk penyelidikan yang dipertandingkan oleh UUM. Pameran tiga hari itu adalah anjuran Persatuan Saintis-saintis Malaysia (MARS) yang bertujuan untuk mengentengahkan serta memberi pengiktirafan kepada hasil penyelidikan serta pembangunan penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik Malaysia dan luar negara.

1 Januari 2008 – UUM Laksana Sistem Kolej

Bermula 1 Januari 2008, UUM melakarkan sejarah apabila melaksanakan sistem kolej secara sepenuhnya dengan mewujudkan tiga kolej yang mempunyai autonomi sendiri dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran. Tiga Kolej ini adalah hasil daripada penggabungan 13 fakulti di UUM yang dinamakan UUM CAS (UUM College of Arts and Sciences), UUM COB (UUM College of Business) dan UUM COLGIS (UUM College of Law, Government and International Studies). Langkah penstrukturan ini bertujuan mendapatkan lebih kekuatan dalam pemasaran program universiti dengan lebih berkesan. Setiap Kolej ini diketuai oleh Penolong Naib Canselor dan dibantu oleh Ketua Penolong Pendaftar (KPP).

25 September 2007 – UUM Raih Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2007

UUM melalui Pusat Praktikum Universiti itu berjaya meraih Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 2007 melalui projek inovasi bertajuk “Sistem Penempatan Pelajar Praktikum Secara Atas Talian (OPSP)”. Dengan kemenangan tersebut, UUM menerima wang tunai berjumlah RM10,000.00, piala dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan kepada Naib Canselor, Tan Sri Dr. Nordin Kardi di Hotel Grand Review, Kota Bharu. UUM merupakan satu-satunya universiti yang berjaya mengungguli anugerah inovasi dalam bidang teknologi maklumat dan berjaya menerima anugerah yang telah disertai oleh lebih daripada 100 organisasi kerajaan.

6 September 2007 – UUM Raih Tempat Kedua Pertandingan Laman Web Peringkat KPT

UUM mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Laman Web Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi/Jabatan/Agensi yang diumumkan di Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Integriti 2007, di Putrajaya. UUM berjaya membawa pulang sebuah trofi dan sijil yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato’ Mustafa Mohamed. Dalam pertandingan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dinobatkan sebagai juara manakala Universiti Malaya (UM) di tempat ketiga bagi pertandingan ini.

30 Ogos 2007 – “Sintok Online” Akhbar Pertama Universiti dalam Talian

UUM melalui Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden (FKBM) mencatat sejarah apabila menjadi universiti pertama di negara ini yang melancarkan akhbar secara online. “Sintok Online” adalah surat khabar dalam talian yang diterbitkan sendiri oleh pelajar dan mengandungi ruangan semasa, ekonomi, hiburan, sukan, iklaneka, agenda mahasiswa, antarabangsa, perspektif, komuniti UUM dan juga rencana. Akhbar “Sintok Online” diterbitkan dua kali sebulan. Ianya sama seperti akhbar biasa di mana diterbitkan dalam dwi bahasa dan boleh dibaca melalui laman web <http://sintokononline.uum.edu.my>.

24 Ogos 2007 – UUM Menangi Penulisan Laporan Tahunan Terbaik

UUM melakarkan satu lagi pencapaian terbilang apabila memenangi penulisan laporan tahunan terbaik berbanding semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain. UUM membawa pulang piala serta wang tunai bernilai RM4,000 yang disampaikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim di Auditorium Perdana Angkasapuri, Kuala Lumpur. Johan bagi Anugerah Laporan Kencana disandang oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, UUM (Kedua) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Ketiga). UUM merupakan yang pertama di kalangan IPTA di Malaysia.

16 Mac 2007 – UUM Rangkul 13 Anugerah di MTE 2007

UUM berjaya merangkul 13 anugerah di Malaysia Technology Expo 2007 (MTE) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Satu emas, lima perak dan tujuh gangsa daripada 22 penyertaan yang dibawa oleh penyelidik UUM. Produk penyelidikan yang memenangi pingat emas adalah “Computer Based Motorcycle Engine Diagnosis and Troubleshooting (MEDT) Training” berjaya menarik perhatian juri hakim dan meletakkan kajian tersebut antara yang terbaik di kalangan penyelidik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Penyelidikan di Malaysia.

1 Januari 2007 – UUM Perkenal Sistem Tambang Bas Prabayar Guna Kad Matrik Pelajar

UUM menjadi universiti pertama memperkenalkan sistem tambang prabayar menggunakan kad matrik (kad pelajar) kepada pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas. Sistem tersebut disepadukan dengan sistem akaun simpanan pelajar di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Kadar tambang sebanyak 40 sen dikenakan bagi setiap perjalanan dalam kampus UUM dan nilai tersebut bersamaan dengan satu mata (poin).

4 Julai 2006 – UUM Cipta Rekod SDG Terbesar dalam MBR

UUM sekali lagi berjaya mencipta nama dalam Malaysia Book of Records (MBR) apabila berjaya membentuk 657 kumpulan perbincangan secara serentak melalui *Self Development Group* (SDG) yang melibatkan 7,979 pelajar baru dan pensyarah UUM yang bertindak sebagai fasilitator. SDG ialah kaedah pengajaran baru yang dilakukan bagi mewujudkan semula tradisi ilmu yang telah lama ditinggalkan iaitu meletakkan “ayatullah” (maha guru) di tempat yang mulia, sekali gus memuliakan pelajar.

9 April 2006 – UUM Dapat Emas di Pameran Rekaan Antarabangsa Ke-34 Geneva

UUM memenangi pingat emas dalam pertandingan Pameran Rekaan Antarabangsa ke-34, di Geneva, Switzerland, atas kejayaan mencipta “Sistem Penilaian Kursus Berasaskan Web” oleh Muhammad Shahbani Abu Bakar dan Prof. Dr. Rosna Awang Hashim dalam hasil penyelidikan mereka bertajuk “e-Course Eval System to Support Course Evaluation”. Dalam pertandingan itu juga, UUM yang menyertai pameran itu buat kali pertama telah berjaya memenangi ketujuh-tujuh hasil penyelidikan di peringkat antarabangsa iaitu dua perak dan empat gangsa.

25 Februari 2006 – UUM Dapat Enam Pingat di MTE

UUM memenangi enam pingat di Malaysia Technology Expo (MTE) 2006 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pingat-pingat yang dimenangi itu ialah satu emas, tiga perak dan dua gangsa daripada 15 penyertaan yang dipertandingkan. Produk penyelidikan yang memenangi pingat emas ialah “Mobile Paddy Diseases Diagnosis System”. Beberapa pihak telah menunjukkan minat terhadap produk penyelidikan UUM seperti MARDI dan SIRIM.

2 Oktober 2005 – UUM Raih 13 Pingat daripada 20 Penyertaan Pameran (R&D) IPTA

UUM mencatat kejayaan besar dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005 apabila meraih 13 pingat daripada 20 penyertaan. Daripada jumlah pingat yang dimenangi itu, UUM meraih satu pingat emas, tiga perak dan sembilan gangsa. Sijil telah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

24 November 2005 – UUM Memenangi Anugerah B Braun

Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) anjuran B Braun Medical Industries Sdn. Bhd. telah dimenangi oleh UUM apabila sepasukan pelajar berjaya membangunkan Projek Sistem Latihan Kakitangan B Braun yang dikenali “B Braun Trainw”. Presiden B Braun Medical Industries Sdn. Bhd. H D Kim telah menyampaikan hadiah kepada pemenang di Pusat Latihan B Braun.

10 Disember 2004 – Pemenang Anugerah Perdana Teknologi Maklumat

UUM diumumkan sebagai pemenang Anugerah Perdana Teknologi Maklumat bagi sektor awam di majlis penyampaian Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Anugerah Perdana Teknologi Maklumat yang berlangsung di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 10 Disember 2004 untuk portal komuniti yang dibangunkan oleh Pusat Komputer. Piala kemenangan, sijil penghargaan dan wang tunai RM10,000 disampaikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik), Lt. Kol. Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik yang hadir mewakili Naib Canselor.

28 November 2004 – Universiti Pertama Laksana e-Tunai

UUM menempa satu lagi sejarah baru apabila muncul sebagai Universiti pertama melaksanakan penggunaan e-Tunai peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada 28 November 2004 melalui aplikasi kad pintar di seluruh kampus bagi mewujudkan masyarakat tanpa tunai atau *cashless society*.

1 Januari 2004 – Radio Kampus UNIUTAMA.FM

UUM sekali lagi mencatat sejarahnya apabila berjaya memiliki radio kampus sendiri yang dikenali sebagai Uniutama.FM yang merupakan hasil ilham Allahyarham Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Nasri, Naib Canselor Kelima. Majlis pelancaran telah diadakan pada 1 Januari 2004 di Dewan Mu'adzam Shah, UUM.

Mei 2003 – Penggunaan Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

UUM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan perkhidmatan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) untuk memaklumkan status kemasukan ke IPTA sejak kemasukan sesi Mei 2002/2003. Melalui perkhidmatan ini, pelajar dapat mengetahui keputusan peperiksaan, jadual waktu kuliah, kalendar akademik dan sebagainya dengan lebih mudah.

25 April 2003 – IPTA Pertama Berjaya Tawar Kor SUKSIS Hingga Kini

Walaupun kebanyakan IPTA memiliki Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) namun UUM adalah universiti pertama yang berjaya menawarkan dan meneruskannya sehingga kini. Kor SUKSIS Polis UUM dirasmikan dan dilancarkan pada 25 April 2003 oleh Dato' Seri Mohd Bakri Hj. Omar, Timbalan Ketua Polis Negara ketika itu. Pada 9 Julai 2005, seramai 71 pelatih SUKSIS telah menerima pentauliahian masing-masing dalam Majlis Pentauliahian SUKSIS yang pertama di negara ini.

13 Disember 2001 – IPTA Pertama Perolehi MS ISO 9002:1994

UUM secara rasminya diisytiharkan sebagai IPTA pertama di Malaysia yang menerima Sijil MS ISO 9002:1994 untuk keseluruhan sekolah dan jabatan pada 3 dan 4 September 2003. UUM berjaya memperoleh persijilan itu dengan skop pendaftaran "Peruntukan Khidmat Pendidikan (Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan), Peruntukan Penyelidikan, Perundingan, Penerbitan dan Perkhidmatan Perpustakaan.

27 September 2001 – UUM Pelopor Mesyuarat Secara "On-line"

UUM menjadi universiti pertama di negara ini yang melaksanakan sistem mesyuarat secara "on-line" berdasarkan kepada penggunaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mula diperkenalkan di Mesyuarat Senat yang dipengerusikan oleh Allahyarham Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Mohd Basri, Naib Canselor kelima pada 27 September 2001. Sistem ini juga diperluaskan

kepada mesyuarat lain seperti Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Majlis Eksekutif Universiti (MESU), Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan lain-lain lagi.

3 Mac 2001 – Johan Pertandingan Landskap Terbaik Peringkat Kebangsaan

Pada 2001, UUM telah diisytiharkan sebagai Johan Pertandingan Landskap Terbaik Peringkat Kebangsaan bagi kategori Kolej/Institusi Pendidikan/Latihan atas beberapa kriteria pemilihan termasuk pemeliharaan landskap dan alam sekitar, reka bentuk dan susunan landskap, penyenggaraan, kebersihan serta keindahan kawasan universiti. Hadiah telah disampaikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam upacara sambutan Hari Landskap Negara di Esplanade, Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur pada 3 Mac 2001.

Jun 1999 – IPTA Pertama Hasil PC Pasang Sendiri

UUM adalah IPTA pertama menghasilkan komputer peribadi pemasangan sendiri apabila program perintis pemasangan PC SerindIT dimulakan pada bulan Jun 1999. Jenama Komputer yang diberi nama SerindIT ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena pelancaran komputer tersebut pada 27 April 2000.

22 April 1999 – Penganugerahan Status MSC

UUM muncul sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di Malaysia menerima penganugerahan Status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) pada 22 April 1999 yang secara tidak langsung memberi beberapa kelebihan kepada universiti.

17 Disember 1997 – Perpustakaan Pertama di Malaysia Perolehi MS ISO 9002

Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) menjadi perpustakaan pertama di Malaysia yang dianugerahkan Persijilan Sistem Kualiti dengan Standard Sistem Kualiti MS ISO 9002 pada 17 Disember 1997 dan berjaya mengekalkan status tersebut sehingga kini. Anugerah ini telah diluluskan oleh Panel Persijilan Sistem Kualiti dengan standard kualiti MS ISO 9002 dari SIRI QAS Sdn. Bhd. menerusi kepastian kualiti dalam aspek pengetahuan produk perkhidmatan dan instalasi atau khidmat susulan melalui surat yang bertarikh 30 Disember 1997 dan didaftarkan dengan nombor AR1259. Pada April 2003 juga PSB telah berjaya melepasi proses-proses untuk penukaran (*conversion*) kepada standard kualiti MS ISO 9001:2000.

PANDUAN PENDAFTARAN

5.0 PANDUAN PENDAFTARAN

5.1 SET TAWARAN KEMASUKAN KE UUM

Anda seharusnya menerima dokumen-dokumen seperti berikut:

- (a) Surat tawaran rasmi kemasukan ke Universiti Utara Malaysia.
- (b) Slip Pembayaran Tunai (SPT) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).
- (c) Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baru.
- (d) Fail Peribadi Pelajar.
- (e) Buku Panduan Kokurikulum Sesi 2009/2010.
- (f) Pelekat kenderaan untuk laluan tempat pendaftaran.
- (g) Buku Pemindahan Kredit (bagi pelajar lepasan diploma sahaja).
- (h) Lampiran-lampiran tambahan yang berkaitan.

Jika anda tidak menerima mana-mana dokumen seperti di atas, sila cetak di dalam laman web <http://www.uum.edu.my/kemasukan/tawaran.htm>

5.2 TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH CALON SETELAH MENERIMA SURAT TAWARAN

Menjawab penerimaan atau penolakan tawaran dengan segera selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh pendaftaran melalui laman web <http://www.uum.edu.my/kemasukan/tawaran.htm>. Jika anda tidak memberikan sebarang jawapan, tawaran tersebut dengan sendirinya akan terbatal.

PENTING:

- Anda dinasihatkan supaya membuat keputusan dengan bijaksana termasuk berbincang dengan keluarga sama ada menerima atau menolak tawaran. Keputusan yang telah dibuat melalui laman web tidak boleh dipinda.
- Sekiranya anda menolak tawaran pada sesi ini, anda tidak akan di senarai hitam atau memberi kesan kepada permohonan anda pada sesi akan datang.

6.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN KE UUM

Tawaran kemasukan ke UUM adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Pengesahan oleh Senat Universiti.
- (b) Pengesahan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Universiti Utara Malaysia. **Anda dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan X-ray di Pusat Kesihatan Universiti.**
- (c) Pihak universiti berhak menjalankan apa-apa ujian pengesanan dadah pada bila-bila masa selama tempoh anda menjadi pelajar di universiti ini. Jika anda didapati positif dadah semasa pemeriksaan, sama ada semasa pendaftaran atau semasa dalam pengajian, maka secara automatik status anda sebagai pelajar universiti ini akan digugurkan.
- (d) Pihak universiti berhak menanggukkan kemasukan dan pengajian pelajar jika pelajar didapati menghidap penyakit berjangkit semasa pendaftaran atau dalam tempoh pengajian.
- (e) Bahawa tiada kesilapan/penipuan yang telah berlaku tentang kelayakan minimum yang diperolehi oleh anda untuk diterima masuk oleh universiti ini.
- (f) Bahawa tiada maklumat yang tidak benar diberikan atau dirahsiakan semasa membuat permohonan masuk ke universiti ini.
- (g) Selama tempoh pengajian di universiti ini, anda wajib mematuhi:
 - (i) **Undang-undang dan Perlembagaan Negara.**
 - (ii) **Akta Universiti dan Kolej (AUKU).**
 - (iii) **Statut Universiti.**
 - (iv) **Keputusan Lembaga Pengarah dan Senat Universiti serta keputusan Kolej yang berkenaan dengan saudara-saudari.**
 - (v) **Peraturan Lalu Lintas Universiti dan Akta Pengangkutan Jalan Raya (JPJ).**
 - (vi) **Kod Etika Pakaian Universiti.**
- (h) Jika anda adalah seorang guru/kakitangan kerajaan, kebenaran dan pelepasan daripada majikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- (i) Jika anda menerima tawaran ini dan kemudiannya menarik diri selepas anda mendaftar, sebarang pemulangan balik yuran yang dibayar adalah tertakluk kepada peraturan kewangan universiti.
- (j) Surat kelulusan menarik diri dari Jabatan Hal Ehwal Akademik dan resit bayaran asal hendaklah dikemukakan bersama apabila memohon pemulangan yuran pengajian.

- (k) Jika anda menerima tawaran ini, anda dikehendaki menghadiri Kursus Bina Negara anjuran Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri yang akan dijalankan dari masa ke semasa, serta lain-lain kursus yang ditetapkan oleh universiti.
- (l) Anda diwajibkan menyertai **Program Suai Kenal Sesi 2009/2010** yang bermula pada **28 Jun hingga 3 Julai 2009**. Pada minggu suai kenal tersebut anda diwajibkan menandatangani surat "**Aku Janji**" yang akan diedarkan oleh pihak universiti.
- (m) Jika anda menerima tawaran ini, sila ambil tindakan yang sewajarnya dan seterusnya mendaftarkan diri pada **28 Jun 2009 di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) yang telah ditetapkan mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi**.
- (n) Sekiranya anda tidak mendaftar seperti **perkara (m)** dan tidak menghubungi Jabatan Hal Ehwal Akademik, UUM dengan alasan yang munasabah secara bertulis di dalam tempoh **tujuh (7) hari** bermula dari tarikh pendaftaran, nama saudara-saudari akan digugurkan daripada senarai nama pelajar yang ditawarkan oleh universiti ini.
- (o) **Jika anda menerima tawaran ini, anda tidak dibenarkan untuk menukar program yang ditawarkan dan tawaran yang diberikan adalah muktamad.**
- (p) **Universiti berhak menarik balik tawaran ini atau menggugurkan anda sebagai pelajar universiti ini jika pada mana-mana peringkat pengajian anda didapati melanggar mana-mana syarat seperti pada perkara (a) hingga (o) di atas.**

